

BAB PERTAMA

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

Allah s.w.t. mengutuskan para Rasul untuk membimbing dan memimpin umat manusia daripada lembah kejahilan dan kehinaan kekufuran kepada *nūr* kemuliaan dan cahaya Islam. Seterusnya daripada kehidupan yang hina-dina kepada kehidupan yang lebih bererti dan bermakna. Kemuncak daripada ini, Allah s.w.t. mengutuskan Nabi kita Muhammad s.a.w. yang merupakan Rasul akhir zaman dan merupakan penyudah dan penutup kepada segala Rasul. Bersama dengannya diturunkan *al-dīn al-Islāmī* yang merupakan penutup kepada segala agama dan ajaran langit. Islam adalah merupakan ajaran yang sempurna dan lengkap¹ dalam segenap aspek kehidupan manusia samada dalam bidang *ibādat*, *muā'malāt*, *munākahāt* dan *jināyāt*.

Antara tanda kesempurnaan Islam ialah sifat ajarannya yang mudah, ringkas dan senang untuk dilakukan tidak seperti dengan tuntutan dan ajaran agama lain. Selain dari itu, Islam adalah merupakan satu agama yang bersifat fleksibel atau *murunah* yang boleh menerima perubahan hukum pada waktu-waktu dan suasana-suasana yang tertentu.

Pendeknya, Islam merupakan *al-dīn* yang mencakupi dan mampu memenuhi serta bersesuaian dengan semua kehendak manusia samada *lahiriah* dan *batiniah*. Bahkan, sempurnanya *al-dīn al-Islāmī* itu tak mungkin dapat ditandingi oleh mana-mana agama di dunia ini untuk selama-lamanya². Manakan tidak, manusia adalah makhluk

¹Seperti maksud daripada Firman Allah s.w.t. dalam Sūrah *al-Māidah* (5), ayat: 3.

²Keunggulan, kesempurnaan dan kesesuaian Islam dengan peredaran zaman telahpun diiktiraf dan diperakui dalam *Muktamar Perbandingan Undang-undang Antarabangsa* yang telahpun diadakan

ciptaan Allāh s.w.t. yang maha Esa lagi berkuasa atas setiap sesuatu, jadi tentulah Ia mampu untuk menurunkan satu ajaran yang bersesuaian dan secocok dengan kehendak makhluk ciptaanNya itu.

Kejayaan Islam membentuk umat manusia yang bertamadun dan bermaruah telahpun terbukti sejak dari ianya diturunkan lagi. Bahkan, kejayaan ini telahpun diperakui oleh umat sejak zaman berzaman dan ianya telahpun dicatat dalam lembaran sejarah ketamadunan manusia, khususnya pada zaman Rusūlullāh s.a.w. dan zaman *Khulafā' al-Rāsyidīn*.

Antara ajaran yang menjadi tunggak kepada keunggulan Islam ialah sistem perkahwinannya yang lengkap dan jitu. Ini kerana, sistem ini mampu dan berjaya memenuhi kehendak semulajadi ataupun *fitrāh* kejadian manusia samaada zahir ataupun batin, rohani dan jasmani. Seterusnya berjaya melahirkan umat yang bermaruah dan mempunyai harga diri yang tinggi.

Dalam kajian ini, penulis akan membincangkan secara khusus berkenaan dengan konsep *wakālah* dalam aqad perkahwinan yang mana ianya adalah merupakan salah satu daripada tajuk dan elemen penting dalam sistem perkahwinan Islam. Walaupun sepatutnya bagi setiap aqad perkahwinan ianya mestilah dilakukan oleh pihak-pihak yang berkenaan, tetapi dalam keadaan dan suasana yang tertentu Islam telah memberikan bahawa ianya dilakukan oleh pihak yang lain. Dengannya terbukti keunggulan,

sebelum Daripada ini. Bahkan, Muktamar tersebut juga telahpun memperakui bahawa *Fiqh Islāmī* adalah merupakan rujukan undang-undang yang utuh dan asli. Sila lihat: Al-Qattān Mannā', (1413H-1992M), *Tārīkh al-Tasyrī' al-Islāmī*, al-Riyād; Maktabah al-Maā'rif, m.s.184.

kemudahan dan keanjalan syariat Islam seperti maksud dari firman Allāh s.w.t. dalam Sūrah al-Hajj (22), ayat 78³ dan firmanNya dalam Sūrah al-Māidah (5), ayat 6⁴.

Bagi mempermudahkan kajian, perbincangan akan dibahagikan kepada lima (5) fasal dan setiap fasal akan dibahagikan lagi kepada beberapa tajuk penting mengikut kepada keperluan dan kepentingannya. Seterusnya, perbahasan akan dibuat dengan melihat kepada keempat-empat mazhab supaya ianya menjadi lebih lengkap dan lebih unik.

³Yang bermaksud: *Dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama.* Al-Hajj (22), ayat:78.

⁴Yang bermaksud: *Allāh tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan).* Al-Māidah (5), ayat:6.

OBJEKTIF DAN KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan adalah berdasarkan kepada beberapa objektif penting, antaranya seperti berikut;

- i) Kajian ini dilakukan adalah untuk menyelami perbincangan para *fuqahā'* *al-Madhbāhīb* secara terperinci berkenaan dengan hukum-hukum *al-wakālah* yang diamalkan dalam aqad perkahwinan. Ini amat penting untuk menambahkan lagi *khazānah* ilmu pengetahuan, khususnya berkenaan dengan tajuk yang dikaji.
- ii) Seterusnya kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui dan mengkaji sejauhmanakah kefahaman dan penghayatan masyarakat mengenai konsep *al-wakālah* yang kerap kali diamalkan oleh mereka. Adakah mereka benar-benar memahami konsep *al-wakālah* dan hukum-hukum yang bersangkutan dengannya ataupun mereka mengamalkannya dengan membuta tuli dan ikut-ikutan sahaja.
- iii) Selain dari itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui sebab-sebab dan punca-punca yang menyebabkan berlakunya *wakālah* dalam aqad perkahwinan dalam masyarakat Islam masa kini. Adakah ianya disebabkan oleh kejahilan masyarakat dalam memahami hukum-hukum perkahwinan ataupun ianya adalah disebabkan oleh tren masa kini ataupun disebabkan oleh faktor-faktor yang lain lagi yang boleh mempengaruhi kepada berlakunya *wakālah*.

- iv) Selain dari itu, kajian juga ingin melihat kepada sebab-sebab tidak berlakunya *wakālah* dan kesanggupan pihak wakil menerima *wakālah*. Adakah ianya disebabkan oleh faktor rasa tanggungjawab ataupun disebabkan oleh faktor-faktor yang lain.
- v) Kajian ini penting untuk memahami secara lebih mendalam terhadap hukum-hakam dan realiti sebenar masyarakat terhadap *wakālah* dalam aqad perkahwinan.
- vi) Akhirnya kajian ini dilakukan adalah untuk memenuhi keperluan bagi ijazah sarjana syariah dan juga boleh dijadikan sebagai asas yang kukuh untuk penulis melangkahkan diri ke peringkat pengajian yang lebih tinggi lagi pada masa yang akan datang.

SKOP KAJIAN.

Kajian ini akan ditumpukan kepada hukum-hukum dan permasalahan-permasalahan yang bersangkutan dengan konsep *wakālah* dalam aqad perkahwinan, perbezaan para *fiqahā'* berkenaan hukum-hukum ataupun permasalahan-permasalahan yang timbul, dalil-dalil yang dikemukakan oleh setiap pandangan dan lain-lain lagi yang bersangkutan dengan tajuk kajian.

Seterusnya kajian ini akan dibuat di Daerah Yan yang merupakan salah satu kawasan yang terletak di negeri Kedah Darul Aman, untuk mengetahui tentang kefahaman dan penghayatan penduduknya berkenaan dengan tajuk kajian.

Daerah Yan dipilih sebagai lokasi kajian kerana ianya merupakan kawasan yang strategik. Ini kerana ianya sedang mengalami proses pembangunan dan didiami oleh pelbagai golongan masyarakat yang melibatkan diri dalam berbagai lapangan pekerjaan seperti bertani, berkebun, nelayan, buruh kasar, bermiaga, bekerja di kilang-kilang, pegawai kerajaan, swasta dan sebagainya. Ini semua akan memberi kesan kepada pembentukan dan penetapan sesuatu hukum. Seterusnya kajian akan dapat dimantapkan lagi dan ianya akan dapat memenuhi kehendak sebahagian besar daripada masyarakat ataupun penduduk Malaysia amnya.

METODOLOGI KAJIAN

Secara dasarnya, kajian ini adalah merupakan kajian yang manggabungkan di antara dua jenis kajian, iaitu:

Pertama: Kajian perpustakaan dan

Kedua: Kajian lapangan.

A) Kajian perpustakaan.

Kajian perpustakaan adalah merupakan kajian yang dilakukan dengan cara mencari maklumat-maklumat bertulis yang bersangkutan dengan tajuk yang dikaji. Maklumat-maklumat ini diambil daripada berbagai tulisan dan karangan, samaada ianya dalam bahasa kebangsaan, arab, inggeris dan sebagainya. Begitu juga samaada ianya daripada tulisan-tulisan ataupun *kitab-kitab turāth* (كتب التراث) ataupun daripada tulisan-tulisan dan kitab-kitab baru (الكتب الحديثة) yang terdiri dari berbagai-bagai mazhab *fiqh*.

Jadi untuk melengkapkan kajian, penulis telah merujuk kepada beberapa perpustakaan utama, antaranya:

- i) Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
- ii) Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- iii) Perpustakaan Universiti Islam Malaysia, Petaling Jaya (UIAM).
- iv) Perpustakaan Pusat Islam (JAKIM).
- v) Perpustakaan al-Jamiah al-Islāmīah Kedah Darul Aman (INSANIAH).
- vi) Perpustakaan Kolej Islam Darul Ulum, Kedah (KIDU) dan lain-lain lagi.

B) Kajian Lapangan.

Manakala Kajian lapangan pula ialah kajian yang dilakukan secara langsung yang menyentuh dengan kawasan dan masyarakat yang dikaji dan dianalisis.

Untuk kajian lapangan ini, penulis telah menggunakan tiga metod utama, iaitu:

- a) Metod penentuan subjek.

Dalam kajian ini, penulis menjadikan masyarakat dan penduduk Daerah Yan sebagai subjek kajian dan penelitian.

b) Metod pengumpulan data.

Metod ini bermaksud proses pengumpulan data dan segala maklumat yang bersangkutan dengan tajuk yang dikaji. Untuk mendapatkan data-data yang lengkap dan terperinci dan seterusnya untuk menyusun dan membahas data-data tersebut secara lengkap dan sistematik, penulis telah menggunakan beberapa metod penting. Antara metod-metod yang digunakan ialah:

i) Metod Dokumentasi.

Metod ini menjurus kepada cara-cara dan kaedah-kaedah pengumpulan data, maklumat dan penelitian terhadap tajuk kajian daripada buku-buku, kitab-kitab dan sebagainya samaada dalam bahasa Kebangsaan dan Arab. Petunjuk utama kajian ini diambil daripada buku-buku yang ditulis oleh mereka yang berkelayakan dan berautoriti dalam bidang yang dikaji⁵.

ii) Metod sejarah (Historis).

Metod ini digunakan adalah untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang tepat tentang Daerah Yan, yang merupakan kawasan bagi kajian⁶.

iii) Metod Interview (Temubual).

⁵ Penggunaan metod ini dapat dilihat dalam bab 3.

⁶ Metod ini diguna dalam bab 2.

Metod ini digunakan adalah untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang tepat dan terperinci berkenaan dengan tajuk kajian melalui cara temubual. Temubual dibuat dengan Kadi daerah⁷.

iv) Metod soal selidik.

Metod ini digunakan adalah untuk mendapatkan maklumat daripada orang ramai (penduduk kawasan) khusus tentang kefahaman, penghayatan dan amalan mereka berkenaan dengan tajuk kajian. Borang kaji selidik telah diedarkan oleh penulis bermula dari 1 Februari 2002 hingga 10 Jun 2002. Untuk melicinkan proses pengedaran borang, penulis bertemu sendiri dengan responden dan menjelaskan secara terperinci kepada mereka setiap persoalan yang dikemukakan. Ini bertujuan supaya responden benar-benar memahami soalan-soalan yang diajukan dan seterusnya dapat memberikan jawapan yang tepat. Proses pemilihan responden pula, penulis lakukan secara rawak dan mensyaratkan bahawa aqad perkahwinan mestilah berlangsung antara tahun 1996 hingga 2000. Ini tidak termasuk 3 responden yang penulis hadiri majlis perkahwinan mereka yang berlangsung pada 26 dan 28 Februari 2002 dan 12 April 2002.

⁷ Temubual dibuat dengan Pegawai Tadbir Agama Daerah Yan, Syeikh Mohamad bin Awang pada 27/2/2002, jam 10.30 pagi, di Pejabat Pegawai Tadbir Agama, Daerah Yan, Kedah Darul Aman.

.v) Metod observasi.

Di samping metod-metod di atas, penulis juga menggunakan metod observasi bagi menguatkan hujah, pandangan serta data-data yang diperolehi. Iaitu dengan menghadiri upacara aqad nikah yang berlangsung. Sepanjang tempoh kajian, penulis sempat menghadiri tiga upacara aqad perkahwinan iaitu pada 26 dan 28 Februari dan 12 April 2002.

c) Metod analisis data.

Setelah semua data-data yang penting dan diperlukan sudah dikumpul dengan menggunakan metod-metod di atas, penulis akan menganalisisnya dengan menggunakan beberapa metod yang lain pula. Antara metod-metod tersebut ialah:

i) Metod Induktif.

Metod ini penulis gunakan adalah untuk menganalisis data-data dan seterusnya membuat kesimpulan daripada fakta-fakta dan lain-lain yang diberikan secara umum⁸.

⁸ Digunakan dalam bab 2,3,4.

ii) Metod Deduktif.

Metod deduktif pula adalah merupakan lawan kepada metod Induktif. Metod ini digunakan bagi membuat pembuktian terhadap sesuatu pernyataan dengan menggunakan dalil-dalil yang terperinci supaya pembuktian dapat dilakukan dengan lebih sempurna.

iii) Metod kompratif.

Metod Kompratif bermaksud proses untuk membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan dan penelitian kepada data-data dan fakta-fakta yang diberikan. Ia bertujuan untuk mengetahui dan menunjukkan persamaan dan perbezaan yang wujud sebelum kesimpulan yang jitu, kukuh dan tepat dapat dilakukan. Penulis juga telah menggunakan jadual silang dengan melihat kepada tiga faktor pembolehubah iaitu taraf pendidikan, aliran pendidikan dan kehadiran ke majlis ilmu secara tidak formal bagi setiap responden samada *muwakkil*, wakil dan responden yang melakukan aqad dengan sendiri.

KAJIAN-KAJIAN LEPAS.

Tajuk *wakālah* dalam aqad perkahwinan adalah merupakan tajuk yang tidak asing bagi para ulama' dan fuqaha' sewaktu mereka membincangkan tajuk perkahwinan.

Perbincangan mengenai tajuk *wakālah* dalam aqad perkahwinan telahpun disentuh dan disebut oleh para ulama' dan fuqaha' samaada dalam karya mereka yang terdahulu (*Kutub al-Turāth*) dan kini (*Kutub al-Hadīth*).

Hasil daripada penelitian yang telah penulis lakukan, dapatlah disimpulkan bahawa karya terdahulu perbincangannya adalah lebih menjurus atau khusus kepada mazhab pengarangnya. Dengan perkataan lain, jika pengarangnya bermazhab *al-Syāfi’ī*, maka perbincangan yang dilakukan adalah mengikut mazhab *al-Syāfi’ī*. Begitu juga dengan pentarjihan atau pemilihan pandangan yang terkuat di mana pengarang akan mentarjih atau memilih mazhabnya berbanding dengan mazhab-mazhab yang lain. Kenyataan ini dapat dilihat secara jelas dalam beberapa buah kitab antaranya *Al-Umm*⁹ yang dikarang oleh Imam *al-Syāfi’ī*, *al-Rāudah*¹⁰ dan *al-Minhāj*¹¹ yang dikarang oleh Imam *al-Nawawī*, *al-Mughnī al-Muhtāj*¹² yang dikarang oleh *al-Syarbīnī al-Khaṭīb*, *Hāsyiah al-Jamāl*¹³ yang dikarang oleh Syeikh *al-Jamāl*, *al-Mabsūt*¹⁴ yang dikarang oleh

⁹ *Al-Syāfi’ī*, (1990M-1410H), *Al-Umm*, jld:5, Bēirūt: Dār al-Fikr, h 17-18.

¹⁰ *Al-Nawawī*, (t.t), *Raudah al-Tālibīn*, jld:5, Bēirūt: Dār al-Kutub al-Ilmīyyah, h 422-427.

¹¹ *Al-Nawawī*, (t.t), *Minhāj al-Tālibīn*, Dār Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, h 91-92.

¹² *Al-Syarbīnī al-Khaṭīb*, (t.t), *Mughnī al-Muhtāj*, jld:2, Bēirūt: Dār al-Fikr, h 217-225.

¹³ Sulaimān *al-Jamāl*, (t.t), *Hāsyiah al-Jamāl 'Alā Syarh al-Minhāj*, jld 4, Bēirūt: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabi, h 157-159.

¹⁴ *Al-Sarakhsī*, (1978M-1398H), *Kiāb al-Mabsūt*, jld 3, Bēirūt: Dār al-Ma'rifah, h 15-19, cet ketiga.

al-Sarakhsī, *Syarh Fath al-Qadīr*¹⁵ yang dikarang oleh Ibn Humām, *Hāsyiah Radd al-Mukhtār*¹⁶ yang dikarang Ibn ‘Ābidīn, *al-Mughnī*¹⁷ yang dikarang Ibn Qudāmah, *al-Kāfi*¹⁸ yang dikarang Ibn ‘Abd al-Bar dan lain-lain lagi.

Selain dari karya-karya terdahulu, penulis juga mendapati bahawa tajuk *wakālah* dalam aqad perkahwinan telahpun dibincangkan oleh ulama'-ulama' terkini. Perbincangan mereka meliputi kesemua mazhab fiqh dan pengarangnya tidak terikat dengan mana-mana mazhab. Walupun begitu, perbincangan yang dilakukan agak ringkas dan tidak kesemua permasalahan yang berkaitan dengan tajuk *wakālah* dibincangkan. Dalam pemilihan pandangan yang rajih atau terkuat pula, penulis dapat pengarang akan melihat kepada kekuatan dan kekuahan dalil yang dikemukakan oleh setiap mazhab.

Di antara karya terkini yang membincangkan tajuk *wakālah* seperti *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh*¹⁹ yang ditulis oleh Dr Wahbah al-Zuhāiliy, *al-Zawāj Wa al-Talāq Fi al-Islām*²⁰ yang ditulis oleh Dr Badrān Abū al-‘Aināyin, *al-Zawāj Wa al-Talāq Fi al-Islām*²¹ yang ditulis oleh Dr Zakī al-Dīn Sya'bān, *Nizām al-Usrah*²² yang ditulis oleh Dr U'qlah, *al-Ahwāl al-Syakhsīyyah*²³ yang ditulis oleh Dr Abū Zuhrah, *Al-Ahwāl al-*

¹⁵ Ibn Humām, (1977M-1397H), *Syarh Fath al-Qadīr*, jld:3, Bēirūt: Dār al-Fikr, h 305-307.

¹⁶ Ibn ‘Ābidīn, (1966M-1386H), *Hāsyiah Radd al-Mukhtār*, jld 3, Bēirūt: Dār al-Fikr, h 94-96, cet kedua.

¹⁷ Ibn Qudāmah, (1972M-1392H), *al-Mughnī*, jld 5, Bēirūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, h 217-218.

¹⁸ Ibn ‘Abd al-Bar , (1992M-1413H), *al-Kāfi Fi al-Fiqh Ahl al-Madinah*, Bēirūt: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, h 229, cet kedua.

¹⁹ Wahbah al-Zuhāiliy, (1996M-1417H), *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh*, jld 4, Bēirūt: Dār Al-Fikr, h 150-159.

²⁰ Al-‘Ainayn Badrān, (t.t), *al-Zawāj Wa al-Talāq Fi al-Islām*, al-Iskandāriyyah: Müassasah Syabāb al-Jāmia'h, h 155-156.

²¹ Zakī al-Dīn Sya'bān,(1964M-1384H), *al-Zawāj Wa al-Talāq Fi al-Islām*, Kāherah: Dār al-Qaumiyah Littibā'ah Wa al-Nasyr, h 55-56.

²² Muhammad ‘Uqlah, (Dr), (1983), *Nizām al-Usrah Fi al-Islām*, (T.T.P), Maktabah al-Risālah al-Hadithah, h 299.

²³ Abū Zuhrah (Dr), (1957), *Al-Ahwāl al-Syakhsīyyah*, (T.T.P), Dār al-Fikr al-‘Arabī, h 131-135, cet ketiga.

*Syakhsīyyah Fi Aḥkām al-Zawāj Wa al-Ṭalāq*²⁴ yang ditulis oleh Dr Muhammad Muṣṭafā, *Al-Syarī'ah al-Islāmīyyah Fi Al-Aḥwāl al-Syakhsīyyah*²⁵ yang ditulis oleh Dr ‘Abd al-Rahmān Tāj dan lain-lain lagi.

Walaupun hasil daripada penelitian yang dilakukan mendapati bahawa tajuk *wakālah* telah dibincangkan oleh ulama’ terdahulu dan kini, penulis dapat bahawa tidak ada satupun daripada karya-karya tersebut yang cuba mengaitkannya dengan realiti semasa dan pengamalan masyarakat seperti yang dilakukan oleh penulis. Bagi penulis, di sinilah terletaknya kekuatan dan kepentingan kajian yang dilakukan oleh penulis²⁶.

Seterusnya, dalam kajian ini, penulis telahpun membuat kesimpulan dan rumusan secara detail kepada tajuk kajian. Bagi penulis kesimpulan dan rumusan yang detail adalah merupakan perkara yang cukup penting dalam setiap kajian bagi memudahkan para pembaca meneliti, memahami dan mengetahui kesimpulan perbincangan. Sepanjang penelitian penulis kepada kejian-kajian terdahulu, didapati bahawa mereka tidak membuat kesimpulan dan rumusan secara detail. Bagi penulis ini juga adalah merupakan salah satu kelebihan dan sebab pentingnya kajian yang dilakukan oleh penulis.

Selain dari itu, dalam tulisan ini penulis telah menggabungkan maklumat daripada karya terdahulu dan terkini. Ini menjadikannya lebih unik dan lebih lengkap

²⁴ Muhammad Muṣṭafā (Dr), (1982M-1402H), *Al-Aḥwāl al-Syakhsīyyah Fi Aḥkām al-Zawāj Wa al-Ṭalāq*, Mesir; Jāmiah al-Azhar, h59.

²⁵ ‘Abd al-Rahmān Tāj, (1952M-1372H), *al-Syarī'ah al-Islāmīyyah Fi Al-Aḥwāl al-Syakhsīyyah*. Mesir: Maktabah Dār al-Ta'lif. H 122-124.

²⁶ Sila rujuk bab 4 dan 5.

kerana setiap fakta yang dikemukakan akan saling menguatkan antara satu dengan yang lain.

Seterusnya dalam membuat pentarjihan atau pemilihan pandangan yang terkuat, penulis akan melihat kepada dua aspek penting iaitu kekuatan dalil dan kesesuaianya dengan realiti semasa, khususnya masyarakat Islam di Malaysia. Bagi penulis, penggabungan dua bentuk atau kaedah bagi membuat pentarjihan tidak dilakukan oleh ulama'-ulama' terdahulu dan kini dan cara ini adalah lebih sesuai dan tepat kerana kebenarannya adalah lebih terjamin dan ianya boleh mengelak daripada berlakunya salah faham dan kecelaruan dalam masyarakat.

PERMASALAHAN KAJIAN.

Untuk menyiapkan kajian ini, penulis telah mengalami berbagai-bagai permasalahan, kesulitan dan kepayahan. Antaranya seperti:

- i) Kesulitan untuk mendapatkan bahan rujukan yang lengkap. Ini disebabkan oleh jarak yang jauh di antara tempat tinggal penulis dengan perpustakaan.
- ii) Selain itu, penulis juga mengalami kesulitan untuk bertemu dengan tokoh-tokoh ilmuan Islam kerana kesibukkan masing-masing dan waktu yang terbatas.
- iii) Di samping itu, penulis juga menghadapi masalah sampingan untuk menyiapkan kajian ini, seperti kewangan, masa, pengangkutan dan lain-lain.

Namun begitu, segala permasalahan dan rintangan penulis hadapi dengan penuh kesabaran dan tenang. Dengan pertolongan dan *taufik* dari Allāh s.w.t dan berkat doa dari semua, kajian ini dapat juga disiapkan.
